

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
[PENAMPANG]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah sebab bagi kelewatan dalam pembinaan hospital yang dilancarkan pada tahun 2013 di daerah Penampang.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Buat masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih belum ada perancangan membina sebuah hospital di daerah Penampang tetapi projek pembinaan **Klinik Kesihatan Jenis 3 di Penampang** telah diluluskan didalam **RMK10**. Keperluan rawatan hospital bagi penduduk daerah Penampang masih boleh ditampung oleh tiga buah hospital KKM di Kota Kinabalu iaitu Hospital Queen Elizabeth I, Hospital Queen Elizabeth II dan Hospital Pakar Likas.

Projek pembinaan KK 3 Penampang ini dilaksanakan secara berfasa dimana Fasa 1 melibatkan kerja-kerja tanah yang telah pun siap pada 2 Jun 2015. Fasa 2 pula melibatkan kerja-kerja pembinaan bangunan klinik yang kini diperingkat penyediaan dokumen tender oleh pihak JKR. Tender projek dijangka dapat dikeluarkan pada pertengahan 2016.

Projek pembinaan Klinik Kesihatan Penampang mengambil masa yang lama disebabkan keadaan tanah di tapak projek yang rendah dan memerlukan kerja-kerja rawatan tanah yang ekstensif sebelum kerja-kerja pembinaan dapat dimulakan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL  
LEIKING  
(PENAMPANG)**

**SOALAN : 535**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jika Kementerian akan member peruntukan ataupun bantuan secara kewangan kepada Kerajaan Sabah untuk membina dan membaiki balik jalanraya Kg. Kondohon, Ramayah, Penampang yang hingga ke hari ini dalam keadaan buruk dan hamper tidak boleh digunapakai oleh beberapa beratus penduduk di kampung tersebut dan murid-murid Sekolah Menengah Kebangsaan Limbanak, Penampang.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian akan bekerjasama dengan JKR Sabah untuk menjalankan siasatan terperinci untuk meneliti keperluan, skop pelaksanaan, dan anggaran kos bagi cadangan projek tersebut.

Namun begitu, pelaksanaan projek ini tertakluk kepada penyenaian dalam senarai keutamaan projek oleh Kerajaan Negeri Sabah dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. WAN  
AZIZAH BINTI WAN ISMAIL [ PERMATANG  
PAUH ]**

**SOALAN : 536**

**YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [ Permatang Pauh ]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bayaran kos sewa,  
penyelenggaraan, utiliti elektrik dan bekalan air bagi kediaman rasmi  
Perdana Menteri setiap tahun bagi tempoh tahun 2013, 2014 dan 2015.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. WAN  
AZIZAH BINTI WAN ISMAIL [ PERMATANG  
PAUH ]**

**SOALAN : 537**

**YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [ Permatang Pauh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bayaran kos penyelenggaraan, utiliti elektrik dan bekalan air bagi Jabatan Perdana Menteri dan agensi-agensi di bawahnya bagi tempoh 2013, 2014 dan 2015.